

## **Penilaian Kepuasan Pengguna Terhadap Penggunaan Sistem Rangkaian Komputer Berteknologi Kluster di Unit Perancang Ekonomi**

**SUHAILA ZAINUDIN, KHAIRUDDIN OMAR, JOHARI HASHIM,  
AZIZ DERAMAN & HAZILAH MOHD AMIN**

### **ABSTRAK**

*Teknologi kluster merupakan satu teknologi yang digunakan untuk membangunkan sistem rangkaian komputer setempat yang mempunyai ketersediaan yang tinggi. Penggunaan teknologi kluster pada sistem rangkaian komputer setempat memberi kesan terhadap sistem pada keseluruhannya dari segi keberkesanan, kecekapan, dan ketersediaan sistem. Kejayaan penggunaan teknologi ini bergantung kepada penerimaan dan kepuasan pengguna terhadap sistem yang dibangunkan. Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap kepuasan pengguna terhadap penggunaan sistem rangkaian komputer berteknologi kluster. Kajian ini penting memandangkan penggunaan teknologi kluster pada sistem rangkaian komputer setempat masih baru terutamanya kepada pengguna komputer peribadi. Satu model kajian digunakan dengan memasukkan aspek khidmat teknikal sebagai faktor penting untuk kejayaan pelaksanaan sistem. Soal selidik berasaskan gabungan daripada beberapa penyelidik dibuat bagi mendapatkan maklumat mengenai tanggapan pengguna terhadap sistem dan khidmat nilai tambah yang mereka peroleh. Hasil kajian mendapati penggunaan teknologi kluster ini telah berjaya membantu mengurangkan masa henti sistem, dan meningkatkan kepuasan serta kepercayaan pengguna terhadap sistem.*

### **ABSTRACT**

*Cluster technology is a technology used to develop local area network systems with high availability. The utilization of cluster technology in local area network will affect users in terms of effectiveness, efficiency and system availability. The success of the system depends on the users' acceptance and satisfaction towards the system. This study will evaluate users' satisfaction on the use of cluster technology in local area network systems. The study is important because the utilization of cluster technology in the local area network systems is still new especially for personal computer users. A research model was used by including technical service aspect as an important factor for the success of the system. A questionnaire was developed to gather information regarding users' expectations on systems and its services. Results showed that the use of cluster technology has been successful in reducing system downtime and has increased users' satisfaction and acceptance of the system.*